

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA INSMAT TUDM KINRARA

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4037-majlis-pemakaian-pangkat-insmat-tudm-kinrara-3

KINRARA, 19 Okt 18 – Satu majlis pemakaian pangkat anggota lain-lain pangkat Institut Latihan Pengurusan Materiel (INSMAT) TUDM Kinrara telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah, Lt Kol Mohd Amran bin Yaakob TUDM. Majlis yang berlangsung di auditorium INSMAT turut disaksikan oleh para pegawai, staf dan pelatih kursus INSMAT.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah, beliau mengucapkan tahniah dan telah memberi nasihat serta kata-kata perangsang agar anggota yang telah dinaikkan pangkat terus meningkatkan pretasi kerja selaras dengan pangkat yang telah diperolehi.

